

Rundingan tarif AS tetap pertahan dasar Bumiputera

BERITA HARIAN 22 JULI 2025 m/s: 3

Anwar tegaskan negara ada pendirian biarpun menghargai kepentingan hubungan dagang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia tidak akan berkompromi mengenai dasar Bumiputera dalam perundingan isu tarif dengan Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri berkata negara akan mempertahankan dasar itu yang dianggap *redlines* dalam perundingan tarif dengan AS kerana ia tidak boleh diganggu meskipun dianggap 'diskriminatif' oleh pihak luar.

Beliau berkata kerajaan kekal bertegas perlu ada garis sempadan atau *redline* tertentu dalam rundingan, biarpun menghargai kepentingan hubungan dagang dan pelaburan dengan negara kuasa ekonomi dunia itu.

"Walaupun kita hadapi sekarang dalam rundingan dengan Amerika Syarikat dalam soal tarif Presiden (Donald) Trump. Itu perkara yang kita beri penekanan. Beberapa kali Jemaah Menteri (berbincang), tetapi kita ada pendirian, kita ada *redline*, risiko kita sedia hadapi.

"Apa dia *redline* itu? Jangan ganggu soal dasar negara. Dia kata kalau dasar Bumiputera itu diskriminasi. *No* (tidak). Kita kata *no*' (tidak). Malaysia ini tegak dengan beberapa dasar yang kita terima pakai. Tetapi ini *redline* kita," katanya.

Beliau berkata demikian ke-



Anwar disambut pada Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga JPM di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

tika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Rundingan lebih teliti, tegas

Anwar berkata, selain itu, pendirian negara termasuk mengenai sistem perolehan kerana ia memberi ruang kepada pembangunan syarikat tempatan.

"Sistem perolehan. Kita ada juga keperluan untuk kita beri peluang kepada syarikat tempatan. Itu *redline* kita dalam rundingan dan sebab itu rundingan kita lebih teliti serta lebih tegas.

"Amerika Syarikat itu penting sebab saya pernah sebut pelaburan Amerika Syarikat itu antara tertinggi, tetapi tidak ada negara yang boleh meletakkan syarat yang menekan kita.

"Sebab itu kita terus (berdagang) dengan negara China, negara ASEAN dan negara-negara Asia," katanya.

Sementara itu, Anwar turut menjelaskan bagaimana hubu-

ngan diplomatik dengan beberapa pemimpin dunia turut membuka peluang baharu kepada syarikat Malaysia di luar negara.

Beliau memberi contoh kejayaan kerjasama antara Malaysia dan Brazil yang teretus hasil perbincangan dengan Presiden Luiz Inácio Lula da Silva, dua tahun lalu.

"Presiden Lula telefon saya, dia kata, Anwar, Brazil ada telaga minyak terbaik dan dia kata, dia *reserve* satu telaga khas untuk PETRONAS. Kini, PETRONAS sudah pun memulakan operasi cari gali di Brazil. Itu hasil kepada kita," katanya.

Perlu sedikit masa lagi sebelum buat pengumuman: PM

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau memerlukan sedikit masa lagi untuk meneliti butiran pengumuman yang bakal dibuat sebahagi penghargaan kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata ia berikutan permukiman Kerajaan Perpaduan di Port Dickson, Negeri Sembilan, kelmarin.

Beliau berkata, 'penghargaan luar biasa' kepada rakyat itu akan diumumkan pada hari ini atau esok.

"Keresahan ini memerlukan saya pertimbangkan perubahan dan pengumuman yang perlu dibuat bagi meredakan tuntutan mereka.

"Saya sudah nyatakan dalam sehari dua ini, saya perlu buat pengumuman sama ada dalam bentuk langkah tambahan atau sebagainya, tetapi ia perlukan sedikit masa untuk diteliti dengan sebaiknya," katanya berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.